

16 MAR 2002

Rusia-Perubatan

LULUSAN PERUBATAN DARI RUSIA DAPAT ATASI KEKURANGAN DOKTOR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 16 Mac (Bernama) - Lulusan perubatan dari Rusia yang dijangka meningkat dapat membantu mengatasi masalah kekurangan doktor di Malaysia, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Beliau berkata semakin ramai rakyat Malaysia mengikuti jurusan perubatan di Rusia setelah kerajaan mengiktiraf ijazah daripada lima institusi pengajian perubatan terkemuka di negara ini penghujung tahun lepas.

"Mungkin selepas empat atau lima tahun akan datang, 200 graduan akan keluar setiap tahun dari kelima-lima universiti dan ini dapat membantu mengatasi kekurangan doktor yang dihadapi Kementerian Kesihatan," katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan Perdana Menteri.

Chua, yang merupakan antara lima menteri dalam delegasi Malaysia untuk lawatan rasmi tiga hari itu, berkata lima buah institusi pengajian perubatan itu merupakan antara 10 yang terbaik di Rusia.

Sempena lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu para penuntut Malaysia yang mengikuti jurusan perubatan di negara ini.

Kira-kira 90 pelajar persendirian dari Malaysia mengikuti bidang itu di Moscow Medical Academy, Russian State Medical University, Nizhni Novgorod State Medical Academy, Volgograd State Medical Academy dan Kursk State Medical University.

Chua berkata antara kelebihan mengikuti pengajian perubatan di negara ini ialah kosnya yang rendah berbanding universiti di negara lain termasuk India.

Beliau memberi contoh Moscow Medical Academy, yang merupakan universiti perubatan terunggul di Rusia, hanya mengenakan US\$25,000 (RM95,000) untuk enam tahun pengajian termasuk penginapan.

"Ini bermakna lebih ramai lagi orang Malaysia mampu untuk mengikuti pengajian perubatan di sini," katanya yang turut melawat akademi perubatan itu.

Ditanya kemungkinan pakar-pakar perubatan Malaysia dihantar untuk mengikuti latihan pakar di Rusia, beliau berkata kerajaan mungkin mengadakan program berkenaan dengan universiti perubatan Rusia.

"Rusia mempunyai kemampuan dalam bidang perubatan sains dan kita boleh mengadakan memorandum untuk doktor-doktor kita datang mengikuti kursus sarjana atau doktor falsafah dalam bidang sains perubatan," katanya.

-- BERNAMA

AZZ HS RON